

# Usaha kerajaan tangani kos sara hidup tingkat kebahagiaan rakyat

• Dalam masyarakat Malaysia yang masih mengekalkan budaya kekeluargaan dan semangat komuniti, rasa dihormati, disayangi dan diterima oleh orang sekeliling menjadi elemen yang sangat besar dalam membina kesejahteraan hidup

• Walaupun rakyat Malaysia kuat dari segi sosial dan spiritual, mereka masih berdepan tekanan ekonomi yang nyata. Di sinilah kesungguhan kerajaan memainkan peranan penting

Oleh Prof Dr Ram Al-Jaffri Saad  
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Khamis** lalu, menjelang sambutan Aidilfitri, Ipsos, salah satu syarikat penyelidikan pasaran terkemuka di dunia, mengeluarkan dapatan Indeks Kebahagiaan Malaysia 2026 berdasarkan kaji selidik ke atas 501 rakyat Malaysia berumur 18 hingga 74 tahun antara 24 Disember 2025 hingga 9 Januari 2026 serentak dengan 23,268 responden di negara lain.

Dapatan ini menunjukkan wujudnya peningkatan Indeks Kebahagiaan Malaysia daripada 76 peratus pada 2025 kepada 81 peratus pada 2026 yang memberikan gambaran bahawa dalam keadaan pelbagai tekanan yang masih wujud, rakyat Malaysia masih mampu mengekalkan perasaan positif terhadap kehidupan mereka, terutama kerana mereka memiliki jaringan sosial, kekeluargaan dan sokongan emosi yang kukuh.

Perkara ini menjadi lebih jelas apabila kita melihat dapatan terperinci kajian Ipsos. Antara faktor yang paling kuat menyumbang kepada kebahagiaan rakyat Malaysia ialah rasa dihargai dan disayangi. Lebih separuh daripada responden Malaysia yang mengaku bahagia menyatakan bahawa faktor ini menjadi pemacu utama kebahagiaan mereka.

Dapatan ini amat penting kerana ia menunjukkan kebahagiaan rakyat Malaysia sangat berkait rapat dengan nilai sosial dan emosional, bukannya semata-mata dengan pendapatan atau materialisme.

Dalam masyarakat Malaysia yang masih mengekalkan budaya kekeluargaan dan semangat komuniti, rasa dihormati, disayangi dan diterima oleh orang sekeliling menjadi elemen yang sangat besar dalam membina kesejahteraan hidup.

Kajian Ipsos juga menunjukkan bahawa sebahagian rakyat Malaysia mengaitkan kebahagiaan dengan perasaan bahawa hidup mereka mempunyai makna. Dapatan ini sangat menarik kerana ia memperlihatkan bahawa rakyat Malaysia menilai kebahagiaan bukan hanya dari sudut keselesaan hidup, tetapi juga daripada sudut makna kewujudan, tujuan hidup dan nilai yang mereka pegang.

## Masalah kewangan jejas kebahagiaan

Bagaimanapun, di sebalik angka kebahagiaan yang tinggi, faktor utama yang menyumbang kepada ketidakbahagiaan rakyat Malaysia ialah masalah kewangan. Sebanyak 63 peratus responden yang mengaku tidak bahagia meletakkan keadaan kewangan peribadi sebagai punca utama tekanan hidup mereka.

Faktor perumahan atau keadaan tempat tinggal serta isu berkaitan pekerjaan turut muncul sebagai penyumbang besar kepada ketidakbahagiaan. Ini memberi gambaran beban hidup yang dirasakan rakyat bukan hanya datang daripada harga barang atau pendapatan yang tidak mencukupi, tetapi juga daripada rasa tidak selamat mengenai masa depan pekerjaan, ketidakstabilan kediaman dan tekanan untuk mengekalkan taraf hidup yang munasabah.

Keadaan ini menjadi lebih bermakna apabila dibandingkan dengan Malaysia Happiness Index (MHI) 2024 yang dibangunkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Berbeza dengan Ipsos yang menilai kebahagiaan melalui pendekatan persepsi subjektif dalam keran-

gka global, MHI 2024 dibina secara lebih menyeluruh dan berstruktur, dengan mengukur kebahagiaan rakyat Malaysia melalui empat dimensi utama iaitu fizikal, sosial, emosi dan spiritual.

Dapatan MHI 2024 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mencatat skor keseluruhan 7.60 daripada 10, yang meletakkan negara pada tahap 'bahagia'. Penemuan ini sangat penting kerana ia mengesahkan, melalui kerangka nasional yang lebih mendalam, bahawa kebahagiaan rakyat Malaysia sememangnya berada pada tahap yang baik.

Lebih penting daripada itu, MHI 2024 menunjukkan dua komponen yang paling tinggi menyumbang kepada kebahagiaan rakyat ialah keagamaan dan kerohanian serta keluarga. Kedua-duanya masing-masing mencatat skor yang sangat tinggi, iaitu 8.69 dan 8.64.

Dapatan ini amat signifikan kerana ia hampir sepenuhnya selari dengan penemuan Ipsos. Jika Ipsos mendapati bahawa rasa dihargai, hubungan keluarga dan makna hidup menjadi pemacu utama kebahagiaan rakyat Malaysia, maka MHI 2024 pula menunjukkan bahawa keluarga dan unsur spiritual atau kerohanian adalah asas sebenar yang mengukuhkan perasaan berkenaan.

Dengan kata lain, kedua-dua kajian ini, walaupun datang daripada metodologi dan institusi yang berbeza, sebenarnya sedang menceritakan kisah yang sama tentang rakyat Malaysia. Kisah itu ialah bahawa kebahagiaan masyarakat Malaysia dibina di atas tiga landasan besar: Hubungan sosial yang erat, nilai rohani yang kukuh dan daya tahan emosi yang terbentuk daripada semangat kekeluargaan serta komuniti.

Pada masa sama, MHI 2024 juga menonjolkan satu hakikat yang sangat penting: Komponen pendapatan

menjadi antara skor paling rendah. Ini sekali lagi selari dengan dapatan Ipsos bahawa isu kewangan adalah faktor utama ketidakbahagiaan.

Realiti ini menegaskan bahawa walaupun rakyat Malaysia kuat dari segi sosial dan spiritual, mereka masih berdepan tekanan ekonomi yang nyata. Di sinilah kesungguhan kerajaan memainkan peranan penting.

## Komitmen berterusan kerajaan

Pendekatan Malaysia MADANI yang menekankan nilai kesejahteraan, ihsan dan hormat bukan sahaja selari dengan dapatan kajian, malah menjadi asas penting dalam usaha membahagiakan rakyat secara menyeluruh. Apabila rakyat meletakkan rasa dihargai sebagai kunci kebahagiaan, maka dasar yang bertekankan ihsan dan keadilan sosial menjadi semakin relevan.

Pada masa sama, kerajaan turut mengambil langkah konkrit untuk menangani faktor utama ketidakbahagiaan, iaitu tekanan ekonomi. Pelaksanaan inisiatif seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), subsidi bersasar, usaha mengawal kos sara hidup, memperkukuh peluang pekerjaan, memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta menyediakan perumahan mampu milik menunjukkan komitmen berterusan kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat.

Langkah ini bukan sekadar dasar ekonomi, tetapi merupakan instrumen penting dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Apabila tekanan kewangan dapat dikurangkan, ia bukan sahaja meningkatkan keupayaan berbelanja, tetapi turut mengukuhkan kestabilan emosi, keharmonian keluarga dan keyakinan terhadap masa depan.

